

Pengguna diharap terima sistem teksi bermeter: Nazri

OLEH
KAMARUDDIN LIUSIN

KOTA KINABALU: Para pengguna pengangkutan awam di negeri ini diharap dapat menerima penggunaan sistem teksi bermeter yang permulaan operasinya dilaksanakan di Bandaraya Kota Kinabalu sebelum diperluaskan ke bandar lain di negeri ini.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Nazri Aziz berkata, sistem teksi bermeter yang diperkenalkan itu sebagai usaha kerajaan untuk mengawal kadar tambang yang dikenakan oleh pemandu teksi dan mempertingkatkan lagi imej industri pengangkutan awam.

"Kawalan itu termasuklah memastikan pengguna tidak lagi tertipu dengan kadar tambang yang sepatutnya mereka

bayar apabila menggunakan perkhidmatan teksi,"katanya ketika merasmikan majlis penyerahan surat tawaran baru dan pelancaran perkhidmatan teksi bermeter di sini, pada Jumaat.

Seramai 40 pengusaha teksi di Bandaraya Kota Kinabalu menerima surat tawaran baru itu untuk menjalankan perkhidmatan teksi bermeter.

Nazri berkata, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) 70 peratus penduduk di Bandaraya Kota Kinabalu tidak yakin dengan pelaksanaan sistem teksi bermeter itu.

"Ya menghairankan kerana ia sepatutnya mendapat bantahan dari pemandu teksi dan bukannya pengguna yang seharusnya memberikan sokongan terhadap penggunaan sistem itu,"katanya.

Bagaimanapun katanya,

menerusi kajian yang dijalankan itu sesetengah daripada mereka tidak pula menyatakan sebab tetapi sekadar menyuarakan ketidakyakinan terdapat sistem berkenaan.

Nazri berkata, pihaknya tidak bimbang mengenai perkara itu kerana ia merupakan perkara biasa kerana situasi yang sama berlaku ketika pelaksanaan sistem itu diperkenalkan di Pulasu Pinan dan juga Johor.

Menurutnya, sudah menjadi satu kebiasaan setiap dasar baru yang diperkenalkan oleh kerajaan tetap akan mendapat bantahan tetapi ia akan diterima sebaik sahaja masyarakat sedar mengenai faedahnya.

Dalam pada itu, Nazri juga meminta agar para pemandu teksi menyetujui sikap negatif dalam memberikan perkhidmatan mereka kepada

pengguna, ini kerana sebelum ini banyak aduan dikemukakan oleh pengguna mengenai sikap pemandu teksi.

"Perkara-perkara negatif perlu diketapikan sebaliknya pemandu teksi harus mengamalkan konsep "mesra pelanggan" dengan mudah senyum,"katanya.

Di samping itu, juga katanya, para pemandu teksi juga perlu mengetahui tempat-tempat menarik di negeri di samping menguasai banyak bahasa bagi memudahkan mereka berkomunikasi dengan penumpang terutamanya pelancong asing.

Turut hadir pada majlis itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan Zakiyah Hashim dan Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah, Datuk Bung Mokhtar Radin.